



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA TUAN YANG TERUTAMA DR. SÁNDOR SIPOS, DUTA BESAR HUNGARY KE MALAYSIA KE ATAS YB MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

PUTRAJAYA, 7 OGOS 2026 – YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah menerima kunjungan hormat daripada Tuan Yang Terutama Dr. Sándor Sipos, Duta Besar Hungary ke Malaysia pada 6 Ogos 2026. Pertemuan julung-julung kali ini diadakan bagi memberi ruang kepada kedua-dua pihak untuk meneroka potensi kerjasama dalam sektor pertanian dan keterjaminan makanan, di samping memperkukuh hubungan perdagangan sedia ada antara Malaysia dan Hungary.

Rekod perdagangan pertanian antara Malaysia dan Hungary sehingga Disember 2025 mencatatkan nilai sebanyak RM94.68 juta, merangkumi eksport produk makanan diproses serta pelbagai produk makanan lain, produk kopi, koko dan rempah. Pihak Hungary juga banyak mengimport produk makanan diproses dan pelbagai produk makanan lain yang terdiri daripada yis, sos dan bahan penyediaan di samping bahan makanan ternakan.

Perbincangan kali ini menumpukan kepada kerjasama teknikal antara Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan *Hungarian University of Agriculture and Life Sciences* (MATE) yang telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) yang baharu pada 6 Julai 2026.

Selain perbincangan di peringkat teknikal, kedua-dua negara turut membincangkan potensi peningkatan perdagangan bagi produk berasaskan ternakan, selain bersetuju untuk menjalankan tindakan susulan di peringkat perbincangan teknikal.

Delegasi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam kunjungan hormat kali ini turut disertai oleh Ketua Setiausaha KPKM, YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak, bersama-sama barisan pegawai kanan dari KPKM dan jabatan di bawahnya, serta wakil dari Kementerian Luar Negeri (KLN).

Menyentuh mengenai jemputan YB Menteri kepada Hungary untuk menyertai Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2026, negara itu mengesahkan penyertaan berserta penglibatan beberapa syarikat bagi mempamerkan inovasi dan teknologi terkini. Ini merangkumi aplikasi kecerdasan buatan (AI) serta sistem berasaskan sensor yang direka khusus untuk meningkatkan daya tahan dan kecekapan sektor pertanian. MAHA 2026 bakal berlangsung dari 28 Ogos hingga 6 September 2026 bertemakan “Penciptaan Nilai Demi Keterjaminan Makanan”.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

